

08 AUG 1996

Daim-Anwar

DAIM SOKONG PENDAPAT MAHATHIR MENGENAI ANWAR

PULAU PINANG, 8 Ogos (Bernama) -- Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Seri Dr Mahathir Mohamed bahawa Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh mengambil alih jawatan tanpa membawa kesan buruk kepada UMNO.

"Anwar mempunyai kualiti itu dan setakat ini beliau (Anwar) telah menjalankan tugas dengan baik. Tambahan pula UMNO telah memilihnya dan Dr Mahathir juga telah mencalonkannya, saya tak ada masalah," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Konvokesyen dan Hari Terbuka Universiti Sains Malaysia di sini, beliau berkata beliau pasti Anwar akan menjadi Perdana Menteri apabila masanya tiba tanpa membawa sebarang implikasi memandangkan semua anggota parti menyokongnya.

Dalam wawancara khas yang disiarkan RTM dua hari lepas Dr Mahathir menyatakan keyakinannya bahawa Anwar boleh mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri tanpa membawa kesan buruk kepada UMNO.

Daim, yang juga Bendahari UMNO berkata, parti itu selama ini tidak pernah mempunyai masalah pengganti (Perdana Menteri) dan ini merupakan sebab negara terus stabil.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta anggota parti terus bersatu padu serta mengelakkan diri daripada menyebarkan khabar angin.

"Mereka mesti menaruh kepercayaan kepada pucuk pimpinan serta berdisiplin. Tak usahlah dengar cerita-cerita karut, benda ini tak betul dan yang mustahaknya terus bekerja bersungguh-sungguh," katanya.

Daim juga berkata, beliau bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa pencapaian orang Melayu pada masa ini amat membanggakan.

"Mereka bukan sahaja berjaya di dalam negeri tetapi juga di luar negeri memandangkan pada masa dulu tiada orang Melayu yang berniaga di luar negeri tetapi sekarang sudah ramai dan kejayaan ini patut dibanggakan," katanya.

Usaha ini merupakan perjuangan UMNO dan pucuk pimpinan demi kepentingan orang Melayu dan sudah seharusnya mereka terus menyokong parti itu dan terus bersatupadu untuk kejayaan seterusnya, kata Daim.

Sambil menyambut baik hasrat pimpinan Parti Melayu Semangat 46 (S46) untuk menyertai semula UMNO, Daim berkata, dengan ini orang Melayu akan terus bersatu padu di bawah pimpinan UMNO dan negara akan terus stabil.

"Kalau mereka nak masuk UMNO baguslah. Tak apalah walaupun perlahan-lahan kerana bukan senang nak terus masuk, ada prosedur dan kena ada mesyuarat", katanya.

Daim berkata "dengan ini orang Melayu akan bersatu padu dan bila UMNO kuat negara akan kuat. Yang mustahak tak ada pecah-belah di antara sesama kita".

Mengenai keputusan Amerika Syarikat untuk mengenakan tindakan terhadap syarikat yang melabur di Iran dan Libya, beliau berkata Malaysia tidak perlu tunduk dengan keputusan itu.

"Mengapa kita perlu tunduk? Kalau ada negara mahu membeli barangan negara, kita jual. Walau apa pun kita tetap akan mencari jalan untuk berniaga dengan satu dunia, tak kira hitam, putih atau merah," katanya.

Beliau berkata keputusan AS itu bermotifkan politik memandangkan Presiden Bill Clinton akan menghadapi pilihan raya tahun ini.

"Barangkali mereka nak jadi hero atau tak ada kerja lain lalu menimbulkan bermacam-macam isu," katanya.

Daim juga berkata, ekonomi Malaysia tidak terjejas dengan kemelesetan pasaran bagi barangan elektronik berikutan lebih barangan itu pada masa ini.

"Malaysia sentiasa meneliti dengan mendalam sebelum memilih jenis industri yang dikehendaki kerana kita mahukan industri berteknologi tinggi dan bukan industri berasaskan tenaga kerja," katanya.

Kejatuhan pasaran seperti ini biasa berlaku apabila sesuatu perniagaan terlampau maju sehingga semua orang mahu membuatnya dan akhirnya akan menimbulkan masalah seperti itu, katanya.

Sebelum itu, Daim yang juga Pro-Canselor USM dalam ucapan perasmian, berkata cabaran menunggu mahasiswa sebagai pemimpin masa depan supaya mereka dapat meninggikan martabat negara setanding dengan negara-negara besar dan maju.

Mahasiswa perlu membuktikan kewibawaan mereka untuk mencetuskan idea yang bernas dalam semua bidang serta dapat dilaksanakan untuk dinikmati oleh masyarakat, katanya. -- BERNAMA

NH NMO